

KENYATAAN MEDIA

CEO Fintech SEDANIA terima Anugerah Pencapaian Sepanjang Hayat

Khairul Nisa Ismail, CEO As Salam, anak syarikat Fintech SEDANIA diiktiraf sebagai individu berpengaruh dalam sektor teknologi dan digital

KUALA LUMPUR (Jun 29): SEDANIA Innovator Berhad (“SEDANIA” atau “Kumpulan”) hari ini mengumumkan bahawa Khairul Nisa Ismail, Ketua Pegawai Eksekutif (“CEO”) anak syarikat Fintech SEDANIA As Salam Capital Sdn Bhd (“SEDANIA As Salam”), menerima Anugerah Pencapaian Sepanjang Hayat Usahawan Cemerlang pada Sidang Kemuncak Ekonomi Digital dan Teknologi Dunia 2022.

Penganugerahan itu mengiktiraf pencapaian cemerlang individu-individu berpengaruh dalam sektor digital dan teknologi. Nisa merupakan antara usahawan yang menerima anugerah khas disampaikan oleh Yang Dipertua Negeri Melaka, H.E. Tun Seri Setia (Dr.) Haji Mohd Ali Rustam.

“Ini merupakan satu penghormatan yang besar untuk menerima penghargaan ini, terutama apabila saya sentiasa menyokong langkah ke arah transformasi digital dan peranannya mendorong pertumbuhan perniagaan dan ekonomi. Tema Sidang Kemuncak Ekonomi Digital dan Teknologi Dunia 2022 iaitu mencipta peluang, kemungkinan tanpa kesudahan merupakan aspirasi saya dan oleh itu, saya komited untuk menerajui SEDANIA As Salam ke arah penyediaan perbankan digital institusi kewangan,” kata Nisa.

Sidang Kemuncak Ekonomi Digital dan Teknologi Dunia merupakan acara terkemuka yang menghimpunkan pihak berkepentingan dalam Ekonomi Digital untuk berbincang mengenai trend utama, cabaran strategik, isu utama dan risiko yang memberi impak terhadap masa depan digital. Ia merupakan pertemuan antara ahli teknologi, usahawan digital, eksekutif korporat, penyokong dasar, generasi digital, pakar kesihatan, pendidik, dan masyarakat untuk mengikuti perkembangan ekonomi digital.

Pengasas dan Pengarah Urusan SEDANIA, Datuk Azrin Mohd Noor berkata, “Pengiktirafan yang diterima Nisa merupakan pencapaian luar biasa bagi SEDANIA secara menyeluruh dan ini meningkatkan lagi jenama syarikat. Kemajuan SEDANIA As Salam di bawah pimpinan Nisa mencerminkan matlamat kami untuk menambah baik kehidupan secara lestari, dengan platform As-Sidq terus bergerak seiring dengan penambahbaikan teknologi yang mana ia memenuhi keperluan institusi kewangan dan meningkatkan akses masyarakat kepada pembiayaan.”



UNTUK SIARAN SEGERA



Dengan asas pelanggan meliputi lebih daripada 80 institusi perkhidmatan kewangan, SEDANIA As Salam bersedia mempercepatkan penggunaan perbankan digital di Malaysia. Syarikat ini kini merupakan rakan kongsi teknologi dua syarikat terkemuka yang merupakan sebahagian daripada konsortium perbankan digital Malaysia, iaitu AEON Credit Service (M) Berhad, serta satu lagi klien yang menawarkan produk pembiayaan peribadi patuh Shariah kepada pengguna aplikasi super Program Pembiayaan GoHalal SEDANIA As Salam.

– Tamat –

Mengenai SEDANIA As Salam Capital :

SEDANIA As Salam Capital Sdn Bhd, anak syarikat milik penuh SEDANIA Innovator Berhad, merupakan penyedia teknologi yang menawarkan penyelesaian fintech islamik kepada institusi kewangan.

Pada terasnya ialah As-Sidq, sebuah platform dagangan komoditi digital patuh Shariah yang dipaten bagi memudahkan pembrokeran komoditi semasa dan selamat mengikut keperluan institusi kewangan tawarruq (komoditi murabahah).

Melengkapkan penyelesaian ekosistem fintech Islamik kami ialah rangkaian usaha sama komposit perbankan dan keupayaan kewangan yang membolehkan dan mempercepatkan kesediaan digital institusi kewangan.

Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi:

*Doreenn Leong
Sedania As Salam Capital Sdn Bhd
Tel: 03-7880 2001 / +6012 2121 620
Emel: media@sedaniainnovator.com*